

SOALAN NO: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah proaktif bagi menambahkan aset pengangkutan (ambulans) di Hospital Besar Kuala Lipis memandangkan aset sedia ada tidak mencukupi sehingga terpaksa menggunakan perkhidmatan daripada agensi lain seperti ambulans dari Jabatan Bomba dan Jabatan Pertahanan Awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat mengambil berat mengenai keperluan kenderaan ambulan yang semakin meningkat di semua fasiliti kesihatan seluruh negara terutama dalam menjalankan Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulan.

Pada masa ini, Hospital Kuala Lipis mempunyai enam (6) buah kenderaan ambulan yang berfungsi bagi menjalankan Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulan. Dua (2) daripada kenderaan ambulan tersebut baru diagihkan kepada Hospital Kuala Lipis. Keperluan tambahan bagi hospital tersebut juga akan diambilkira dalam perolehan akan datang.

Selain membuat perolehan kenderaan ambulan secara berkala, KKM telah mengambil inisiatif melalui Strategi Lautan Biru dengan menjalinkan kerjasama dengan agensi yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dalam memenuhi keperluan Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulan di bawah koordinasi Pusat Koordinasi Panggilan Kecemasan melalui Projek MERS 999. Melalui kerjasama ini ia dapat menguntungkan kedua-dua pihak di mana latihan pengendalian pesakit semasa kecemasan dapat dikongsi bersama.